

Kelestarian Literasi Al-Quran Sepanjang Hayat: Impak Media Sosial, Kepimpinan Guru dan Persekitaran Islamik di Malaysia

(Sustainable Lifelong Quranic Literacy: The Impact of Social Media, Teacher Leadership, and Islamic Environment in Malaysia)

Zainora Daud

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abd Muhaimin Ahmad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Norazman Alias

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Muhammad Hafiz Saleh

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Mashitah Sulaiman

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat yang dinamik dan mencabar, merentasi dimensi teknikal, kognitif dan afektif. Masalah utama yang dikenal pasti ialah wujudnya jurang literasi yang signifikan akibat kekangan masa, faktor usia, dan stigma psikososial seperti rasa malu dalam kalangan profesional dan pesara, yang gagal ditangani oleh kaedah pengajian tradisional. Kajian ini meneroka pengaruh motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap peningkatan literasi al-Quran melalui lensa Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) dan Model ARCS. SDT menekankan tiga keperluan psikologi asas iaitu autonomi, kompetensi dan hubungan (*relatedness*) sebagai teras kepada internalisasi amalan agama yang lestari, manakala Model ARCS oleh Keller memberi fokus kepada perhatian, kerelevanan, keyakinan dan kepuasan sebagai pemangkin penglibatan pembelajaran. Menggunakan reka bentuk kualitatif kajian kes di institusi Dar al-Qari, data dikumpul melalui temu bual mendalam bersama 11 peserta dewasa menggunakan pensampelan bertujuan. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola motivasi, pengalaman pembelajaran dan impaknya terhadap tahap literasi peserta. Dapatan menunjukkan bahawa kepimpinan guru yang empati, pengaruh media sosial sebagai pencetus kesedaran, serta persekitaran Islamik yang menyokong autonomi dan hubungan sosial merupakan faktor kritikal bagi kelestarian literasi. Media sosial berfungsi sebagai pemacu ekstrinsik awal yang menormalkan pembelajaran al-Quran dalam kalangan profesional, pesara dan suri rumah, manakala guru yang mengamalkan andragogi Islam dan pendekatan tanpa menghukum mengekalkan komitmen jangka panjang pelajar. Kesannya bukan sahaja merangkumi dimensi teknikal (tilawah), tetapi juga pemahaman (*tafahhum*) dan amalan (*tatbiq*) sebagai ejen penyembuhan psikospiritual, khususnya dalam mengurus keresahan dan tekanan hidup. Kajian ini menyumbang kepada pengayaan wacana literasi al-Quran dewasa dengan mencadangkan model ekosistem pembelajaran yang mengintegrasikan strategi pemasaran digital, kepimpinan guru dan persekitaran Islamik yang rahmah bagi menyokong kelestarian literasi sepanjang hayat.

Kata kunci: Literasi al-Quran, Motivasi, Andragogi Islam, Kepimpinan Guru, Media Sosial.

Abstract

Quranic literacy among adults is a dynamic and challenging lifelong learning process that transcends technical, cognitive, and affective dimensions, yet it is often hindered by a significant literacy gap caused by time constraints, age, and psychosocial stigmas, such as shame among professionals and retirees which traditional methods fail to address. This study explores the influence of intrinsic and extrinsic motivation on the enhancement of Quranic literacy through the lenses of Self-Determination Theory (SDT) and the ARCS Model. SDT emphasizes three basic psychological needs; autonomy,

Article Progress

Received: 09 January 2026

Revised: 23 January 2026

Accepted: 09 February 2026

qualitative case study design at the Dar al-Qari institution, data were collected through in-depth interviews with 11 adult participants selected via purposive sampling. The data were analysed thematically to identify motivational patterns, learning experiences, and their impact on the participants' literacy levels. Findings indicate that empathetic teacher leadership, the influence of social media as a catalyst for awareness, and an Islamic environment that supports autonomy and social relatedness are critical factors for literacy sustainability. Social media serves as an initial extrinsic driver that normalises Quranic learning among professionals, retirees, and homemakers, while teachers who practice Islamic andragogy and a non-judgmental approach sustain students' long-term commitment. The impact encompasses not only technical dimensions (*tilawah*) but also comprehension (*tafahhum*) and practice (*tatbiq*) as agents of psychospiritual healing, particularly in managing anxiety and life stress. This study contributes to the enrichment of adult Quranic literacy discourse by proposing a learning ecosystem model that integrates digital marketing strategies, teacher leadership, and a compassionate (*rahmah*) Islamic environment to support sustainable lifelong literacy.

Keywords: Quranic Literacy, Self-Determination Theory (SDT), ARCS Model, Adult Learning (Andragogy), Thematic Analysis, Psychospiritual Healing

1. PENGENALAN

Dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari, literasi al-Quran tidak lagi boleh dilihat sebagai pengalaman pembelajaran terhad di bangku sekolah rendah atau kelas KAFA, sebaliknya sebagai keperluan pendidikan sepanjang hayat yang berkait rapat dengan pembentukan identiti Muslim dan kesejahteraan psikospiritual. Di Malaysia, beberapa kajian mutakhir menunjukkan masih wujud kelompok dewasa yang lemah dalam bacaan al-Quran dan tajwid walaupun telah melalui sistem pendidikan formal, akibat kurikulum yang kurang menekankan penguasaan mendalam serta faktor masa dan motivasi.

Jurang antara identiti sebagai Muslim dengan realiti kemahiran membaca al-Quran sering kali dibebani stigma malu, rasa rendah diri dan persepsi bahawa sudah terlewat untuk belajar semula, khususnya bagi golongan profesional dan warga emas. Pada masa sama, kemunculan inisiatif berasaskan komuniti dan program *Smart Learning al-Quran* menunjukkan potensi pendekatan kreatif dan fleksibel untuk meningkatkan penguasaan tajwid, pengalaman pembelajaran dan kepuasan peserta dewasa. Penyelidikan ini memfokuskan kepada bagaimana ekosistem di institusi seperti Dar al-Qari membantu warga dewasa mengekalkan istiqamah melalui dorongan motivasi yang bersepadu dan persekitaran pembelajaran yang menyantuni maruah serta keunikan pengalaman hidup mereka.

Literasi al-Quran dalam konteks kajian ini difahami secara holistik sebagai keupayaan yang merentasi tiga dimensi utama: *tilawah* (kemahiran teknikal bacaan yang sahih), *tafahhum* (pemahaman makna dan mesej), dan *tathbiq* (penghayatan nilai dalam sikap dan amalan seharian) (Moslimany et al., 2024; Mustafa et al., 2022). Pendekatan tiga dimensi ini selari dengan pandangan bahawa literasi al-Quran bukan sekadar kecekapan fonetik dan tajwid, tetapi turut melibatkan kefahaman mesej wahyu dan integrasi nilai ke dalam pembentukan sahsiah serta keputusan hidup.

Dalam konteks pendidikan dewasa, literasi al-Quran yang seimbang antara *tilawah*, *tafahhum*, *tathbiq* terbukti menyumbang kepada pengukuhan identiti Muslim, peningkatan kepekaan spiritual dan pengurusan emosi yang lebih matang, khususnya dalam kalangan warga pertengahan usia dan warga emas (Hasim et al., 2023). Kajian program *Smart Learning al-Quran*, yang dilaksanakan kepada peserta dewasa, mendapati peningkatan min skor yang ketara dalam pengalaman pembelajaran (1.11 mata), kefahaman hukum tajwid (1.14 mata), makhraj huruf (1.06 mata) dan keupayaan membaca al-Quran dengan tajwid selepas intervensi terancang (Jannah et al., 2025). Dapatan ini menunjukkan bahawa reka bentuk pedagogi yang sistematik, berstruktur dan mesra dewasa berpotensi besar untuk meningkatkan literasi teknikal, sekali gus membuka ruang

kepada pemantapan dimensi kefahaman dan penghayatan melalui aktiviti tadabbur, refleksi sendiri dan pembimbingan rohani.

Oleh itu, program literasi al-Quran dewasa perlu dilihat bukan sekadar kelas mengaji asas, sebaliknya sebagai intervensi pendidikan sepanjang hayat yang menghubungkan peningkatan kemahiran bacaan dengan transformasi sikap, akhlak dan kesejahteraan rohani (Anggraini, 2025). Dalam kerangka ini, tilawah berfungsi sebagai asas teknikal, *tafahhum* menjadi jambatan kognitif untuk memahami petunjuk Ilahi, manakala *tathbiq* menzahirkan kesan literasi al-Quran melalui perubahan tingkah laku, amalan ibadah yang lebih berkualiti dan kesediaan peserta berperanan sebagai model Qurani dalam keluarga serta komuniti (Moslimany et al., 2024).

Andragogi secara klasik difahami sebagai seni dan sains membantu orang dewasa belajar, yang menekankan konsep sendiri, pengalaman lampau, kesediaan belajar dan orientasi pembelajaran yang berpusat kepada kehidupan sebenar (Knowles et al., 2015; Merriam & Bierema, 2014). Dalam perspektif Islam, andragogi diperkaya dengan matlamat tazkiyah al-nafs, pengukuhan iman, dan pembentukan akhlak, menjadikan pembelajaran agama dewasa suatu proses transformasi diri berterusan, bukan sekadar penambahan maklumat kognitif (Nofriana, 2022; Basir et al., 2024).

Kajian Kadir (2016) terhadap pelajar dewasa dalam pembelajaran Islam menggunakan pendekatan andragogi melaporkan bahawa peserta menilai tinggi pendekatan pengajaran yang menghormati pengalaman hidup mereka, memberi ruang soal jawab terbuka, dan mengaitkan topik dengan realiti kerja, keluarga dan cabaran emosi semasa (Kadir, 2016). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pembelajaran agama bagi orang dewasa melibatkan transformasi spiritual, peningkatan kesedaran diri dan penghalusan akhlak; peserta bukan sahaja ingin “tahu” tetapi juga “menjadi” insan yang lebih sejahtera dari segi rohani dan sosial (Kadir, 2016).

Dalam konteks pengajian al-Quran dewasa di Malaysia, pendekatan andragogi Islam tercermin melalui reka bentuk kelas yang fleksibel, penggunaan pengalaman hidup peserta sebagai contoh penerangan ayat, dan budaya pembelajaran yang tidak menghukum kesilapan bacaan. Guru berperanan sebagai murabbi yang memfasilitasi proses penemuan makna (*meaning-making*), menggalakkan refleksi diri terhadap ayat yang dibaca, dan menghubungkan tilawah dengan tugas harian sebagai ibu bapa, profesional atau pesara. Apabila prinsip andragogi Islam disepadukan dengan SDT dan ARCS, pembelajaran al-Quran dewasa berpotensi menjadi pengalaman yang bermakna, relevan dan berkesan dari sudut kognitif, afektif dan spiritual.

Media sosial bertindak sebagai pemacu ekstrinsik awal bagi literasi al-Quran dewasa di Malaysia, di mana platform seperti YouTube, Facebook, WhatsApp, dan Telegram digunakan secara meluas untuk mencari maklumat agama oleh masyarakat Melayu, termasuk promosi kelas, perkongsian tips tajwid, jadual murajaah, dan testimoni yang memecahkan stigma "terlambat belajar" di kalangan profesional, pesara, dan suri rumah, dengan tingkah laku tradisional berterusan secara dalam talian walaupun bergantung pada kemudahan akses mudah alih (Hasan & Haron, 2019).

Kajian sistematik terkini mengesahkan trend ini melalui integrasi teknologi pendidikan Islam seperti aplikasi mudah alih untuk tilawah dan dakwah, di mana media baharu membentuk penglibatan digital, aksesibiliti, dan dakwah wasathiyah bagi generasi milenial, dengan cabaran seperti ketagihan gadget diatasi melalui kaedah Nabi SAW, sambil menekankan literasi digital untuk mengelak kandungan radikal atau tidak sahih (Ab Halim et al., 2025). Kajian terhadap khalayak Iraq menunjukkan kepuasan tinggi terhadap penggunaan media sosial untuk isu agama, dengan motif kognitif dominan (pengetahuan, kesedaran rohani) dan pengaruh kuat terhadap tingkah laku, di mana Facebook & YouTube paling popular untuk kandungan video Islam, mengukuhkan peranan platform dalam membentuk identiti rohani dan amalan harian (Ali et al., 2023).

Oleh itu, institusi seperti masjid dan pusat tahfiz boleh mengoptimumkan media sosial sebagai ekosistem holistik daripada promosi, pendaftaran, pembelajaran hibrid, hingga penilaian kemajuan bagi memastikan literasi al-Quran dewasa yang lestari, disokong literasi digital tinggi dan platform seperti Cariustadz.id untuk fatwa siber (Hasan & Haron, 2019; Ab Halim et al., 2025).

2. KERANGKA TEORITIKAL: INTEGRASI TEORI PENENTUAN KENDIRI (SDT) DAN MODEL ARCS

Literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat yang kompleks kerana ia merangkumi dimensi teknikal, kognitif, dan afektif. Statistik dan realiti semasa menunjukkan wujudnya jurang literasi yang signifikan dalam kelompok dewasa, yang sering berdepan dengan kekangan masa, penurunan daya ingatan, serta cabaran psikososial seperti rasa rendah diri dan kebimbangan untuk belajar pada usia lewat. Masalah utama yang dikenal pasti adalah ketidakmampuan kaedah pengajian tradisional untuk mengekalkan motivasi pelajar dewasa secara konsisten. Kebanyakan program literasi sedia ada lebih tertumpu kepada aspek teknikal bacaan semata-mata tanpa menyantuni keperluan psikologi asas pembelajaran.

Bagi mendepani isu ini, kajian ini menyepadukan Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) dan Model ARCS sebagai kerangka utama untuk menerangkan bagaimana motivasi pembelajar dewasa terbentuk, diperkukuh, dan dilestarikan dalam konteks pengajian al-Quran. Integrasi ini sangat relevan kerana kelestarian pengajian warga dewasa menuntut gabungan antara pemenuhan keperluan dalaman (psikologi) dan sokongan luaran (strategi instruksional).

2.1 Teori Penentuan Kendiri (SDT) sebagai Pemacu Motivasi Dalaman

SDT yang dibangunkan oleh Deci dan Ryan (2000) menegaskan bahawa motivasi intrinsik dan ketekunan dalam pembelajaran akan meningkat apabila tiga keperluan psikologi asas dipenuhi: autonomi, kompetensi, dan hubungan (*relatedness*). Justifikasi penggunaan SDT dalam konteks ini diperkukuhkan oleh literatur terkini yang menunjukkan bahawa perancangan pembelajaran berasaskan andragogi yang menyantuni keperluan psikologi adalah kunci utama kepada keberkesanan program pendidikan Islam dewasa (Lubis et al., 2022).

Dalam konteks pengajian al-Quran, autonomi dizahirkan melalui peluang memilih bentuk kelas dan tempo hafazan yang sesuai dengan komitmen dewasa. Kompetensi dicapai melalui pengalaman kejayaan kecil (*small wins*) seperti pembetulan makhraj, manakala hubungan dizahirkan melalui sokongan guru dan suasana halaqah yang penuh empati. Motivasi intrinsik yang terhasil merangkumi niat ibadah dan pencarian ketenangan jiwa (*sakinah*), yang bertindak sebagai “enjin dalaman” kepada kelestarian pengajian (Ryan & Deci, 2000).

2.2 Model ARCS sebagai Strategi Sokongan Luaran

Bagi melestarikan "enjin dalaman" tersebut, Model ARCS (Keller, 2010, 2017) diaplikasikan sebagai strategi sokongan luaran. Tinjauan literatur sistematik terkini mengesahkan bahawa Model ARCS kekal sebagai kerangka yang paling teguh dalam reka bentuk instruksional untuk meningkatkan penglibatan pelajar (Li & Keller, 2023). Model ini membahagikan motivasi kepada empat komponen: perhatian (*Attention*), kerelevanan (*Relevance*), keyakinan (*Confidence*), dan kepuasan (*Satisfaction*).

Dalam literasi al-Quran dewasa, perhatian ditingkatkan melalui penceritaan kisah Qurani; kerelevanan ditonjolkan dengan mengaitkan ayat dengan isu kehidupan seharian; keyakinan dipupuk melalui bimbingan berperingkat (*scaffolding*); manakala kepuasan dicapai melalui pengiktirafan

sosial dan rohani. Elemen ekstrinsik ini berperan sebagai “bahan bakar” yang memudahkan pencapaian sasaran pembelajaran secara konsisten.

2.3 Relevansi Integrasi SDT dan ARCS Terhadap Kajian

Perkaitan antara kedua-dua model ini (rujuk Rajah 1) memberikan impak sinergi yang signifikan terhadap kelestarian literasi al-Quran. SDT berfungsi sebagai diagnosis terhadap "apa" yang diperlukan oleh psikologi pembelajar (keperluan dalaman), manakala ARCS menyediakan preskripsi tentang "bagaimana" persekitaran pembelajaran harus distrukturkan (strategi luaran). Integrasi ini memastikan program literasi tidak hanya fokus kepada kemahiran teknikal, tetapi turut membina resiliensi emosi dan spiritual pelajar dewasa dalam mendepani cabaran hidup.

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual kajian yang mengintegrasikan dua pendekatan utama, iaitu Teori Penentuan Kendiri (SDT) dan Model ARCS bagi menerangkan dinamika pembentukan motivasi dan kelestarian literasi al-Quran dalam kalangan pembelajar dewasa. Kerangka ini dibahagikan kepada tiga komponen utama:

- i. Faktor Dalaman (SDT): Bahagian ini mewakili Teori Penentuan Kendiri yang berfokus kepada pemenuhan tiga keperluan psikologi asas manusia iaitu Autonomi, Kompetensi, dan Keterhubungan (*Relatedness*). Elemen-elemen ini bertindak sebagai "enjin dalaman" yang memacu motivasi intrinsik pelajar dewasa. Apabila persekitaran pembelajaran memberi mereka kebebasan memilih, peluang merasai kejayaan penguasaan ilmu, serta sokongan sosial yang membina, ia akan mendorong dan meningkatkan komitmen peribadi mereka terhadap pengajian.
- ii. Faktor Luaran (Model ARCS): Bahagian ini mewakili reka bentuk instruksional dan sokongan persekitaran melalui Model Keller. Ia menggariskan empat strategi motivasi ekstrinsik iaitu Perhatian (*Attention*), Relevansi (*Relevance*), Keyakinan (*Confidence*), dan Kepuasan (*Satisfaction*). Pendekatan pengajaran yang interaktif, relevan dengan kehidupan, serta memberikan maklum balas yang membina berfungsi untuk menyokong dan melengkapkan keperluan emosi pelajar agar mereka kekal fokus dan tidak mudah putus asa.
- iii. Hasil Integrasi (Kelestarian Literasi al-Quran Dewasa): Anak panah dari kedua-dua belah menghala ke arah pusat, menunjukkan bahawa sinergi antara faktor dalaman (psikologi) dan luaran (strategi pengajaran) adalah prasyarat kepada kelestarian (*sustainability*) pembelajaran. Pemusatan ini menghasilkan impak yang holistik merangkumi ketekunan yang berterusan (*istiqamah*), pementapan kemahiran teknikal dan kognitif bacaan, pencapaian ketenangan jiwa (*sakinah*), serta penghayatan tanggungjawab ibadah sebagai seorang Muslim.

Kesimpulannya kerangka ini merumuskan bahawa kelestarian pengajian al-Quran warga dewasa memerlukan pendekatan yang seimbang, tidak sekadar memfokuskan kepada teknik pengajaran semata-mata, tetapi wajib menyantuni fitrah emosi dan psikologi pembelajar itu sendiri.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Integrasi SDT dan Model ARCS

3. OBJEKTIF

Objektif kajian ini ialah:

- i. Menganalisis pengaruh motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap peningkatan literasi al-Quran warga dewasa menerusi integrasi media sosial dan kepimpinan guru yang inklusif.
- ii. Meneroka impak persekitaran Islamik di Dar al-Qari sebagai ekosistem hubungan sosial (relatedness) dan ejen penyembuhan psikospiritual bagi kelestarian pembelajaran sepanjang hayat.

Persoalan Kajian ini ialah:

- i. Bagaimanakah sinergi antara media sosial dan kepimpinan guru memacu motivasi serta kompetensi literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa?
- ii. Sejauh manakah ekosistem persekitaran Dar al-Qari berfungsi sebagai instrumen penyembuhan psikospiritual dalam mengekalkan kelestarian pengajian al-Quran?

4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kajian kes untuk menyelami pengalaman fenomenologi peserta secara mendalam. Pendekatan ini dipilih kerana keupayaannya memberikan naratif data yang kaya dan kontekstual berbanding statistik bagi meneroka secara mendalam dinamika motivasi intrinsik dan ekstrinsik terhadap peningkatan literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa di Dar al-Qari.

Pemilihan metodologi yang tepat merupakan aspek yang amat penting kerana ia berkait rapat dengan objektif kajian dan menentukan sejauh mana kajian dapat mencapai matlamatnya (Qal'aji, 1999). Pendekatan kualitatif ini adalah selaras dengan keperluan untuk menyelami pengalaman fenomenologi, persepsi, dan nilai intrinsik yang memacu keterlibatan pembelajaran dalam konteks kehidupan sebenar. Ini bertepatan dengan pandangan Creswell dan Poth (2018), reka bentuk kajian kes membolehkan penyelidik memahami fenomena yang kompleks melalui naratif data yang kaya dan kontekstual, dengan memberikan keutamaan kepada kedalaman analitikal berbanding keluasan statistik.

4.1 Prosedur Pensampelan dan Peserta Kajian

Peserta kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan subjek yang dipilih mempunyai kekayaan maklumat berkaitan objektif kajian.

Pendekatan ini selaras dengan pandangan bahawa persampelan bertujuan amat sesuai dalam kajian kualitatif apabila pengkaji memerlukan peserta yang mampu menyumbangkan data yang kaya dan signifikan (Patton, 2015).

Kriteria inklusi merangkumi warga dewasa (lelaki dan wanita) berumur 25 tahun ke atas yang telah mengikuti kelas literasi al-Quran di Dar al-Qari bagi tempoh minimum enam bulan sehingga empat tahun. Tempoh ini kritikal bagi menjamin kestabilan pengalaman pembelajaran dan refleksi yang matang terhadap proses literasi. Saiz sampel ditentukan melalui tahap ketepuan data (*data saturation*) di mana tiada tema baharu muncul.

Seramai 11 orang peserta telah dipilih secara strategik sehingga mencapai tahap ketepuan data (*data saturation*). Saiz sampel ini disandarkan kepada prinsip "*information power*" (Malterud et. al, 2016; Naeem et. al, 2024), di mana kualiti maklumat yang diperolehi daripada peserta telah mencukupi untuk menjawab persoalan kajian tanpa keperluan kod atau tema baharu muncul.

4.2 Kaedah Pengumpulan Data

Instrumen utama pengumpulan data adalah melalui sesi temu bual. Menurut Merriam (1998), terdapat tiga jenis temu bual, iaitu temu bual berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menjalankan temu bual separa berstruktur dengan peserta kajian yang telah ditetapkan.

Kaedah ini dipilih bagi membolehkan pengumpulan maklumat yang mendalam dan menyeluruh berkaitan topik kajian. Kaedah ini juga memberikan fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka respons peserta secara mendalam menerusi soalan-soalan terbuka, sambil mengekalkan fokus terhadap kerangka motivasi (SDT dan ARCS). Menurut DeJonckheere dan Vaughn (2019) terdapat lima kemahiran asas dalam mereka bentuk dan menjalankan temubual separuh berstruktur termasuk:

- i. Menentukan tujuan dan skop kajian.
- ii. Mengenal pasti peserta.
- iii. Mempertimbangkan isu etika.
- iv. Merancang aspek logistik.
- v. Membangunkan panduan temubual.

Persiapan yang teliti adalah penting bagi memastikan proses temubual berjalan dengan lancar dan beretika.

Setiap sesi temu bual dirakam secara digital dan ditranskripsi secara verbatim di mana setiap perbualan peserta ditukarkan kepada bentuk teks dan disemak berulang kali sambil merujuk semula kepada rakaman asal bagi memastikan maklumat yang direkodkan adalah tepat dan lengkap (Miles, Huberman, & Saldana, 2014). Sebagai langkah untuk meningkatkan kredibiliti data, pengkaji turut melaksanakan proses semakan peserta (*member checking*) dengan berkongsi ringkasan dapatan awal atau petikan penting daripada transkrip kepada peserta untuk disahkan semula, sekali gus memberi ruang kepada mereka untuk membetulkan atau menambah penjelasan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data (Merriam & Tisdell, 2016).

4.3 Prosedur Analisis Data


Proses analisis data dalam kajian ini dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik dengan mengintegrasikan kaedah analisis kandungan serta analisis tematik. Pendekatan ini memastikan data temu bual dianalisis secara menyeluruh dan selaras dengan objektif kajian.

Pada peringkat awal, pengkaji menggunakan analisis kandungan melalui pembacaan berulang terhadap transkrip temu bual bagi memperoleh kefahaman mendalam tentang kandungan, konteks dan maksud pernyataan peserta kajian. Seterusnya, data naratif ditafsir menggunakan

analisis tematik, yang dipilih kerana sifatnya yang fleksibel dan sesuai untuk mengenal pasti serta menganalisis pola makna dalam data kualitatif, serta sesuai digunakan dalam pelbagai tradisi penyelidikan termasuk pendidikan dan psikologi (Braun & Clarke, 2006; Nowell et al., 2017). Dawson (2002) turut menegaskan bahawa analisis berasaskan tema merupakan kaedah yang praktikal dalam penyelidikan kualitatif kerana membantu penyelidik mengatur data yang kompleks kepada kategori dan tema yang lebih tersusun.

Analisis tematik seperti dalam Rajah 2 di bawah dilaksanakan berpandukan kerangka enam fasa oleh Braun dan Clarke (2006), yang melibatkan:

- i. Pembiasaan data: Membaca transkrip secara berulang kali.
- ii. Penjanaan kod awal: Melabel segmen data yang relevan secara induktif dan deduktif.
- iii. Pencarian tema: Mengelompokkan kod kepada tema potensial berdasarkan pola motivasi.
- iv. Penyemakan tema: Memastikan tema selari dengan set data dan objektif kajian.
- v. Pendefinisian dan penamaan tema: Menentukan intipati setiap tema secara spesifik.
- vi. Penghasilan laporan akhir: Mengintegrasikan dapatan dengan bukti literatur dan kerangka teori yang dipilih.



Rajah 2: Fasa Analisis Tematik

5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dipersembahkan berdasarkan analisis tematik yang dilakukan terhadap transkrip temu bual mendalam bersama 11 orang peserta di institusi Dar al-Qari. Data disusun mengikut objektif kajian bagi memberikan pemahaman yang holistik mengenai dinamika motivasi dan ekosistem pembelajaran al-Quran dewasa.

5.1 Objektif 1: Pengaruh Motivasi (Media Sosial dan Kepimpinan Guru) terhadap Peningkatan Literasi Al-Quran

Analisis mendapati bahawa motivasi ekstrinsik dan intrinsik tidak bergerak secara berasingan, sebaliknya saling berinteraksi melalui dua subtema utama yang menjadi pemacu utama penglibatan peserta:

- i. Subtema 1: Media Sosial sebagai Pemacu Ekstrinsik dan Pemangkin Kesedaran Digital seperti dalam Rajah 3 di bawah:

Dapatan menunjukkan bahawa platform media sosial, khususnya Instagram dan Facebook, berfungsi sebagai "pintu masuk" yang kritikal dalam membangkitkan kesedaran literasi. Media sosial berfungsi sebagai pemacu ekstrinsik awal yang kritikal dalam membangkitkan kesedaran literasi al-

Quran. Platform digital seperti Instagram bukan sekadar saluran maklumat, malah bertindak sebagai ejen yang membina reputasi institusi dan kepercayaan awal. Berdasarkan subtema satu ini merangkumi beberapa kriteria iaitu:

a) Normalisasi Budaya Belajar

Kehadiran visual suasana kelas yang kondusif dan estetik berjaya menormalkan budaya pembelajaran agama dalam kalangan profesional dan pesara yang sebelum ini merasa terasing atau malu untuk memulakan semula pembelajaran pada usia lewat.


b) Pemecahan Stigma Psikososial

Testimoni daripada pelajar sebaya (peer testimonials) bertindak sebagai ejen yang membina kepercayaan awal dan meruntuhkan stigma "sudah terlambat".

c) Aplikasi Model ARCS

Melalui lensa Model ARCS (Keller, 1987), kandungan media sosial yang estetik memberikan Attention (Perhatian) manakala testimoni pelajar sebaya mewujudkan Relevance (Kerelevanan), sekali gus memangkaskan halangan psikologi pembelajar dewasa. Hal ini selari dengan pandangan Lubis et al. (2022) bahawa ekosistem digital memainkan peranan signifikan dalam menormalkan budaya pembelajaran agama dalam kalangan masyarakat bandar moden melalui integrasi ilmu tradisional dengan inovasi teknologi seperti blended learning, MOOC, i-Folio, dan drone untuk Pdp interaktif di UKM.

Ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan informan: “*Saya nampak iklan pengambilam DQ dari Instagram, jadi yakin nak cuba daftar.*” (P5)



Rajah 3: Subtema 1: Media Sosial sebagai Pemacu Ekstrinsik dan Pemangkin Kesedaran Digital

- ii. Subtema 2: Kepimpinan Guru Empati dan Pedagogi Andragogi dalam Membina Kompetensi seperti dalam Rajah 4:

Kepimpinan guru muncul sebagai faktor paling dominan dalam memastikan kelestarian literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa iaitu:

a) Pendekatan Tanpa Menghukum (*Non-Judgmental*)

Guru yang mengamalkan budaya pembelajaran yang tidak menghukum kesilapan bacaan (tajwid dan makhraj) menjadi kunci utama kepada pengekalan komitmen jangka panjang pelajar.

b) Teknik *Scaffolding*

Penggunaan teknik bimbingan bertahap membantu meningkatkan rasa Kompetensi (*Competence*) dalam diri pelajar, selari dengan keperluan psikologi asas dalam Teori Penentuan Kendiri (SDT).


c) Peralihan Motivasi

Sokongan guru yang konsisten dan majlis pengiktirafan (seperti khatam) bertindak sebagai pemangkin yang menukarkan motivasi ekstrinsik (dorongan luar) kepada motivasi intrinsik (kepuasan rohani).

Pengiktirafan melalui majlis khatam atau galakan lisan secara berterusan menjadi pemangkin kepada motivasi intrinsik.

Ini disokong dengan pernyataan informan bahawa: “*Saya rasa sangat gembira bila ustaz betulkan bacaan saya satu-satu... Sekarang bila faham tajwid, rasa puas hati dan berani nak baca kuat sikit.*” (P1)

Analisis menunjukkan bahawa pendekatan guru yang tidak menghukum (*non-judgmental*) adalah kunci kepada kelestarian penglibatan. Sejalan dengan Teori Penentuan Diri (SDT), bimbingan yang menyokong keperluan kompetensi ini mengukuhkan keterikatan emosi peserta dengan al-Quran, yang seterusnya menukarkan proses pembelajaran daripada satu bebanan kepada satu kepuasan (Nik Md Saiful, 2022).



Rajah 4: Subtema 2: Kepimpinan Guru Empati dan Pedagogi Andragogi dalam Membina Kompetensi

5.2 Objektif 2: Impak Persekitaran Islamik sebagai Ekosistem Hubungan Sosial (*Relatedness*) dan Penyembuhan Psikospiritual

Analisis terhadap persekitaran pembelajaran di Dar al-Qari mendedahkan bahawa suasana institusi memainkan peranan lebih besar daripada sekadar ruang fizikal pengajian.

- iii. Subtema 3: Persekitaran Islamik sebagai Ejen Penyembuhan Psikospiritual dan Penguat *Relatedness* dalam Rajah 5 di bawah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persekitaran institusi yang kondusi dengan kriteria berikut:

- a) Zon Selesa Warga Emas

Komposisi kelas yang didominasi oleh golongan dewasa dan warga emas mewujudkan "ruang selamat" yang bebas daripada penghakiman sosial.

- b) Pemenuhan Keperluan *Relatedness*


Suasana halaqah yang penuh empati membina rasa Hubungan (*Relatedness*) yang kuat dalam kalangan rakan sebaya, membolehkan mereka berkongsi cabaran yang sama dalam mempelajari al-Quran.

- c) Mekanisme Kesejahteraan Mental

Persekitaran ini berfungsi sebagai instrumen "penyembuhan psikospiritual" (*psychospiritual healing*), di mana pengintegrasian nilai kesabaran dan ketenangan dalam sesi PdP membantu peserta mengurus keresahan serta tekanan hidup harian secara efektif.

Ini dinyatakan oleh informan bahawa: "Saya sangat bersyukur sebab kebanyakan dalam kelas ni warga emas macam saya. Jadi saya tak rasa malu walaupun banyak salah. Semua pun macam sama-sama belajar semula". (P4)

Persekitaran ini berfungsi sebagai instrumen "penyembuhan psikospiritual" (*psychospiritual healing*). Pengintegrasian tazkirah mengenai ketenangan dan kesabaran dalam sesi pembelajaran membantu peserta mengurus keresahan serta stres harian secara efektif. Fenomena ini membuktikan bahawa kelestarian literasi al-Quran di Malaysia bukan sekadar pencapaian akademik, tetapi merupakan mekanisme sokongan kesihatan mental yang berakar daripada suasana ukhuwah dan sokongan rohani Nik Md Saiful (2022).



Rajah 5: Subtema 3: Persekitaran Islamik sebagai Ejen Penyembuhan Psikospiritual dan Penguat *Relatedness*

6. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan ini mengintegrasikan dapatan kajian dengan kerangka Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory* - SDT), Model Motivasi ARCS, serta sorotan literatur untuk merumuskan model kelestarian literasi al-Quran dewasa. Lanskap pendidikan agama bagi golongan dewasa di Malaysia kini menempuh fasa transformasi signifikan, di mana kelestarian literasi al-Quran merangkumi dimensi psikospiritual, keterlibatan digital, dan pemenuhan keperluan psikologi asas (Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid, 2014). Dalam konteks pembelajar dewasa, cabaran utama melibatkan tahap motivasi yang rendah serta halangan psikologi seperti perasaan malu, yang merupakan fenomena lazim dalam ekosistem pendidikan tinggi dan dewasa di Malaysia (Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin, 2009; Samsiah et al., 2009; Thang, 2009).

6.1 Sinergi Media Sosial dan Kepimpinan Guru dalam Memacu Motivasi

Peralihan paradigma daripada teknologi sebagai alat pemasaran kepada teknologi sebagai instrumen kognitif telah membuka ruang baru dalam memacu motivasi ekstrinsik dan intrinsik pembelajar dewasa (Greenfield & Yan, 2020; Hidayat & Nuri, 2024). Media sosial berfungsi sebagai pemangkin awal yang direka secara strategik untuk memberikan rangsangan ekstrinsik melalui perkongsian kandungan yang menarik dan mudah diakses (Ramadan & Abdelsalam, 2020). Strategi ini kritikal kerana pembelajar dewasa sering memulakan penglibatan dengan rasa ragu-ragu terhadap kemampuan diri (Fatma Basharahil & Tan, 2022).

6.2 Media Sosial sebagai Instrumen Kognitif dan Pembina Keyakinan

Dalam kerangka Model ARCS, komponen Keyakinan (*Confidence*) mencabar untuk dibina dalam kalangan dewasa yang mempunyai sejarah kegagalan lampau (Keller, 1987, 2006). Media sosial menyediakan platform "*low-stakes*" untuk berinteraksi secara tidak formal, mengurangkan ebimbangan (*anxiety*) (Zahirah Zainal & Nor Hanim Rahmat, 2020). Platform seperti YouTube dan TikTok membolehkan pengajaran mikro (*microlearning*) yang membina efikasi sendiri secara berperingkat (Mohd Tajudin Md Ninggal, 2025; Syahida Mohtar et al., 2025).

Penggunaan instrumen digital memudahkan proses penemuan makna (*meaning-making*) melalui integrasi tafsir dan tadabbur (Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid, 2013). Sebagai contoh, video pendek yang menghubungkan ayat al-Quran dengan isu kesihatan mental memberikan gambaran jelas tentang Kerelevanan (*Relevance*) pembelajaran terhadap kehidupan.

6.3 Evolusi Peranan Guru: Daripada Mu'allim kepada Murabbi Digital

Peranan kepimpinan guru menjadi penentu mutlak kepada kelestarian komitmen pembelajar (Amir, S. et.al, 2025). Guru tidak sekadar berfungsi sebagai mu'allim teknikal, tetapi sebagai murabbi yang menyantuni aspek kemanusiaan. Murabbi digital perlu mempunyai daya tahan emosi dan kecerdasan sosial tinggi untuk mengurus dinamika bilik darjah (Rosinah Mahmood, 2025).

Kepimpinan yang menyantuni maruah dewasa menggunakan prinsip andragogi yang menekankan kolaborasi (Knowles, 1977; Kurniati et al., 2022). Hal ini selari dengan komponen Kepuasan (*Satisfaction*) dalam Model ARCS, di mana pembelajar merasa dihargai (Keller, 2006; Tamuri et al., 2014). Guru sebagai murabbi memastikan sesi pembelajaran memberi impak positif kepada kesejahteraan emosi (Nur Sakinah Thomas, 2025).

6.4 Persekitaran Islamik sebagai Ekosistem Kelestarian Literasi

Kelestarian literasi di institusi seperti Dar al-Qari didorong oleh pemenuhan keperluan psikologi asas SDT: Autonomi, Kompetensi, dan Hubungan (*Relatedness*) (Hamzah et al., 2022; Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin, 2009). Autonomi melibatkan pemberian ruang kepada pembelajar untuk

menentukan matlamat sendiri. Kompetensi dicapai melalui modul tersusun seperti modul "Ulum al-Quran" dengan pendekatan *scaffolding* (Haziyah Hussin et al., 2026; Sabri Mohamad et al., 2025).

6.5 Al-Quran sebagai Ejen Penyembuhan Psikospiritual

Dapatan signifikan kajian ini adalah pengiktirafan kelas al-Quran sebagai instrumen penyembuhan psikospiritual atau *Quranic Bibliotherapy* (Agustina et al., 2023). Dalam era Society 5.0, literasi al-Quran menawarkan ruang tenang untuk transformasi diri menuju *tazkiyah al-nafs*. Kajian neurosains menunjukkan *mindful reading* terhadap al-Quran mengubah pola gelombang otak kepada Alfa dan Theta yang menenangkan serta menurunkan tekanan darah (Moulaei et al., 2023)

7. KESIMPULAN

Kajian ini secara tuntasnya membuktikan bahawa kelestarian literasi al-Quran dalam kalangan warga dewasa di Malaysia bukanlah suatu proses yang bersifat linear, sebaliknya merupakan manifestasi interaksi dinamik antara motivasi intrinsik dan faktor ekosistem luaran. Melalui lensa Teori Penentuan Diri (SDT) dan Model ARCS, kajian mendapati bahawa media sosial bertindak sebagai "pintu masuk" yang meruntuhkan stigma sosial dan membangkitkan kesedaran awal. Seterusnya, kepimpinan guru yang mengamalkan pedagogi andragogi yang empati menjadi tunjang utama dalam membina kompetensi dan keyakinan diri pelajar. Akhir sekali, persekitaran Islamik yang menyokong keperluan hubungan sosial (*relatedness*) di Dar al-Qari telah mentransformasikan aktiviti literasi daripada sekadar pembelajaran teknikal kepada mekanisme penyembuhan psikospiritual yang signifikan. Kelestarian pembelajaran sepanjang hayat ini berjaya dicapai apabila keperluan psikologi asas peserta dipenuhi dalam sebuah ekosistem yang harmoni dan menyokong. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan strategik bagi memperkasa literasi al-Quran dewasa iaitu:

1) Pengurusan Institusi

Pihak pengurusan institusi seperti Dar al-Qari disarankan untuk terus mengintegrasikan strategi pemasaran digital yang berteraskan testimoni dan naratif kejayaan bagi menarik minat golongan profesional dan pesara.

2) Latihan Perguruan

Modul latihan khusus untuk guru al-Quran dewasa perlu diwujudkan dengan memberi penekanan kepada aspek psikologi pembelajar dan teknik bimbingan tanpa menghukum (*non-judgmental coaching*).

3) Reformasi Kurikulum

Kerangka kurikulum literasi al-Quran dewasa perlu dikaji semula agar tidak hanya tertumpu kepada aspek tilawah semata-mata, tetapi turut mengintegrasikan elemen kesejahteraan mental dan sokongan psikospiritual bagi menjadikan kelas al-Quran sebagai pusat sokongan komuniti yang holistic khususnya kepada pembuat dasar seperti (JAKIM/Jabatan Agama Islam Negeri).

4) Penyelidikan Masa Hadapan

Penyelidikan masa hadapan juga boleh dikembangkan lagi dengan menggunakan kaedah kuantitatif atau kaedah campuran (*mixed-methods*) untuk menguji hubung kait antara motivasi SDT dan tahap literasi al-Quran dalam skala sampel yang lebih besar di seluruh Malaysia. Kajian ini juga boleh diteroka secara khusus terhadap peranan teknologi kecerdasan buatan (AI) sebagai pemudah cara literasi al-Quran dewasa secara mandiri.

8. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Yayasan Dar al-Qari kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Geran USIM dengan Kerjasama Luar (Antarabangsa/Swasta/Kerajaan), dengan tajuk Pengaruh Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dalam Peningkatan Literasi Al-Quran, Kod Penyelidikan PPPI/USIM-INDUSTRI/FPQS/USIM/12424. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ab Halim, N., Wan Ismail, W. O. A. S., Ab Ghani, B., & Md Khamis, N. (2025). Trends and future directions in Islamic educational technology: A systematic review. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 9(1), 168–180. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v9i1.255>
- Agustina, S., Saman, W. S. W. M., & Norshila. (2023). Quranic bibliotherapy: An Islamic psychospiritual approach to healing. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 9(53), 538-546. <https://doi.org/10.35631/ijepe.953040>
- Ainol Madziah Zubairi, & Isarji Hj Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 73-87.
- Ali, H. S. M., Yasin, M. A.-I., & Alsagoff, S. A. S. (2023). Determining satisfaction of social media use among Iraqi audiences toward religious issues. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(3), 351–367. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3903-18>
- Amir, S. et.al. (2025). Revitalizing the teacher's role as murabbi through Fazlur Rahman's Qur'anic hermeneutics in digital pedagogy. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies*, 4(3), 841-862. <https://doi.org/10.23917/qist.v4i3.12368>
- Anggraini, M. (2025). Implementing a holistic Islamic religious education curriculum: Challenges and opportunities. *Al-Insyiroh Journal*. <https://jurnal.staidhi.com/index.php/alinsyiroh/article/download/454/294/1997>
- Basir, M. Z. K., et al. (2024). A holistic conceptual framework for converts' dawah program by integrating Al-Ghazali's Ihya Ulumuddin. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. https://hrmars.com/papers_submitted/22400.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dawson, C. (2002). *Practical research methods: A user-friendly guide to mastering research techniques and projects*. How To Books.

- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268. https://doi.org/10.1207/S15327965PLI1104_01
- DeJonckheere, M., & Vaughn, L. M. (2019). Semistructured interviewing in primary care research: A balance of relationship and rigour. *Family Medicine and Community Health*.
- Fatma Basharahil, & Tan, D. A. L. (2022). Adult ESL education and learning anxiety: An exploratory case study involving Malaysian security personnel. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001554. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1554>
- Greenfield, P. M., & Yan, Z. (2020). Social media as a teaching tool for spirituality: An analysis. *The Asian Thinker*, 6(22).
- Hamzah, L. M., Sueb, R., Alias, N. F., Syed Mustafa, S. M., & Mohd Yusof, M. M. (2022). Motivation in learning: A case study of young adult learners in Kuala Selangor, Malaysia. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 18(2), 469-476. <https://doi.org/10.24191/ajue.v18i2.17999>
- Hasan, H., & Haron, H. (2019). Religious online information behaviour among the Malays in the digital era. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 9(1), 638–644. <https://doi.org/10.35940/ijitee.A4515.119119>.
- Hasim, R., Samaeng, M., & Rashid, N. (2023). Scoping review on the benefits of reciting, listening and memorising the Quran. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 8(25), 37–43. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v8i25.4826>.
- Haziyah Hussin, & Latifah Abdul Majid. (2013). Early development of Quranic exegesis in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*, 3(8), 1732-1744.
- Haziyah Hussin, & Latifah Abdul Majid. (2014). Significance of Malay Qur'anic commentary for the Malay Muslim community in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(16), 160-167. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n16p160>
- Haziyah Hussin, Nor Syamimi Mohd, Mohd Manawi Akib, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Ahmad Fakhrurrazi Mohamed Zabidi, Sabri Mohamad, Najah Nadiah Amran, Mohd Faizulamri Mohd Saad, & Latifah Abdul Majid. (2026). Pembangunan modul pengajian ulum al-Quran untuk Dar al-Qari. *Fakulti Pengajian Islam, UKM*.
- Hidayat, A., & Nuri, A. (2024). Digitalization of Muhammadiyah da'wah as an innovative strategy to enhance religious literacy. *Communautaire: Journal of Community Service*, 3(1).
- Jannah, R., Jumari, S., Zainal, A., & Ahmad, N. (2025). Community transformation through Quranic education: An evaluation of the effectiveness of the Smart Learning al-Quran program. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 1015–1024. <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/Digital-Library/volume-9-issue-7/1015-1024.pdf>
- Kadir, M. A. B. (2016). Adult learners' understanding in learning Islam using the andragogy approach: A study in Kampung Siglap Mosque and Al-Zuhri Higher Learning Institute. *Journal of Education and Practice*, 7(10), 125–132. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1122443.pdf>

- Keller, J. M. (1987). Development and use of the ARCS model of instructional design. *Journal of Instructional Development*, 10(3), 2–10. <https://doi.org/10.1007/BF02905780>
- Keller, J. M. (2006). *The ARCS model: Attention, relevance, confidence, satisfaction, and volition*. Florida State University.
- Keller, J. M. (2010). *Motivational design for learning and performance: The ARCS model approach*. Springer.
- Keller, J. M. (2017). The MVP model: Overview and application. *New Directions for Teaching and Learning*, 2017(152), 13–26. <https://doi.org/10.1002/tl.20265>
- Knowles, M. S. (1977). *A history of the adult education movement in the USA (Edisi Semakan)*. New York: Krieger.
- Knowles, M. S., Holton, E. F., III, & Swanson, R. A. (2015). *The adult learner: The definitive classic in adult education and human resource development (8th ed.)*. Routledge.
- Kurniati, E., et al. (2022). Andragogy: The art and science of teaching adults in the modern era. *Journal of Educational Ideas*.
- Li, K., & Keller, J. M. (2023). The applications of the ARCS model in instructional design, theoretical framework, and measurement tool: A systematic review of empirical studies. *Interactive Learning Environments*, 1–19. <https://doi.org/10.1080/10494820.2023.2240867>
- Lubis, M. A., Hanafiah, H., Mahrani, S., & Margolang, N. (2022). Andragogy-based learning planning: Study of lecturer and student lecture contract models Islamic education study program. *Al-Fikru: Jurnal Ilmiah*, 16(2), 253–266. <https://doi.org/10.51672/alfikru.v16i2.115>
- Malterud, K., Siersma, V. D., & Guassora, A. D. (2016). Sample size in qualitative interview studies: Guided by information power. *Qualitative Health Research*, 26(13), 1753–1760. <https://doi.org/10.1177/1049732315617444>
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S. B., & Bierema, L. L. (2014). *Adult learning: Linking theory and practice*. Jossey-Bass.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation (4th ed.)*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook (3rd ed.)*. Sage Publications.
- Mohd Tajudin Md Ninggal. (2025). Human-centered teaching in the digital era. Dalam *The Hidden Influence: Manipulation in The Digital Age*. ResearchGate.
- Moslimany, R., et al. (2024). Designing a holistic curriculum: Challenges and opportunities in Islamic education. *Journal of Islamic Studies*. <https://pubcenter.ristek.or.id/index.php/jois/article/download/19/19>

- Moulaei, H., Haghdoost, A., Bahaadinbeigy, K., & Dinari, M. (2023). Effect of Holy Quran recitation and listening on anxiety, stress and depression. *BMC Psychiatry*, 23(1), 1-33. <https://doi.org/10.1186/s12888-023-05091-2>
- Mustafa, Z., Abdullah, R., & Hashim, A. (2022). Holistic Quranic literacy model for lifelong learning. *International Journal of Islamic Thought*, 21, 89–105.
- Naeem, M., Ozuah, C., & Qureshi, M. (2024). Demystification and actualisation of data saturation in qualitative research. *International Journal of Qualitative Methods*. <https://doi.org/10.1177/16094069241229777>.
- Nik Md Saiful, N. A. (2022). Cabaran dan motivasi pembelajaran al-Quran dalam kalangan warga dewasa: Satu tinjauan literatur. Penerbit Universiti Malaya.
- Nofriana. (2022). Konsep pendidikan andragogi dalam pandangan Islam. *Jurnal Qalamuna*, 1(1). <https://ejournal.um-sorong.ac.id/index.php/jq/article/download/2093/1412>.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16, 1–13.
- Nur Sakinah Thomas. (2025). Emotional resilience and teacher well-being in digital environments. Dalam *The Hidden Influence: Manipulation in The Digital Age*. ResearchGate.
- Patton, M. Q. (1999). Enhancing the quality and credibility of qualitative analysis. *Health Services Research*, 34(5 Pt 2), 1189–1208.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Qal aji, M. R. (1999). *Turuq al-bahthi fi al-dirasah al-islamiyyah*. Dar al-Nafais.
- Ramadan, A., & Abdelsalam, S. (2020). The impact of social media on spiritual practices. *The Asian Thinker*.
- Rosinah Mahmood. (2025). Investigating emotional dynamics in classrooms and teacher resilience. Dalam *The Hidden Influence: Manipulation in The Digital Age*. ResearchGate.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.55.1.68>.
- Samsiah, B., et al. (2009). Attitudes and motivation of Malaysian secondary students towards learning English as a second language: A case study. *Journal of Language Studies*.
- Syahida Mohtar, Jomhari, N., Mustafa, M. B., & Yusoff, Z. M. (2025). Mobile learning: Research context, methodologies and future works. *BMC Psychiatry*. <https://doi.org/10.1186/s12888-025-06300-x>
- Tamuri, A. H., et al. (2014). *Empowerment through the ability of Quranic recitation in the Malaysian Armed Forces (ATM)*. KAGAT Strategic Research.

Thang, S. M. (2009). Investigating the relationship between motivation and achievement among Malaysian adult learners. *GEMA Online Journal of Language Studies*.

Zahirah Zainal, & Nor Hanim Rahmat. (2020). Social media engagement and learner confidence in language acquisition. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)*, 13(3).

Zainora binti Daud (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: zainora@usim.edu.my

Abd Muhaimin bin Ahmad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: muhaimin@usim.edu.my

Norazman bin Alias
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: norazman@usim.edu.my

Muhammad Hafiz Saleh
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: mhafiz@usim.edu.my

Mashitah Sulaiman
Pusat Pengajian Teras
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: mashitah@usim.edu.my